

Bil. (43)dlm.KKA-82/2/6 Bhs.2

26th Oktober, 1989

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri.

Semua Pengarah Yayasan.

SURAT PEKELILING KEWAJIBAN KEPADA KESIHATAN BIL.4/1989

Kod Pakaian Untuk Doktor

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penekanan dan peringatan kepada Kod Pakaian yang sedia ada selaras dengan program promosi imej hospital.

2. LATARBELAKANG

Terdapat beberapa doktor yang tidak memakai 'overall' semasa merawat pesakit. Dipernhatikan juga, doktor-doktor tidak berpakaian kemas dan sempurna semasa bertugas dan juga semasa menghadiri acara rasmi misalnya mesyuarat-mesyuarat dan semuduga.

3. PERLAKSANAAN

- 3.1. Kod Pakaian seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil. (2/1985-JPA..SULIT TT. 193/37/(67) hendaklah dipatuhi.
- 3.2. Bagi doktor-doktor lelaki 'lounge suit' atau 'bush-jacket' atau seluar panjang dengan baju kemeja dan bertali leher boleh dipakai semasa mereka bertugas.
- 3.3. Bagi doktor-doktor wanita, pakaian kaum masing-masing yang sesuai boleh dipakai semasa bekerja. 'Jeans', 'slacks', seluar pendek dan apa-apa pakaian yang menutup muka tidak boleh di pakai semasa bekerja.

3.4. Disamping mematuhi arahan seperti yang dinyatakan di perenggan 3.2 dan 3.3 diatas semua doktor lelaki dan wanita hendaklah memakai 'overall' dan talileher (bagi pegawai lelaki) semasa memeriksa dan merawat pesakit.

4. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

4.1. Tuan-tuan adalah diminta untuk mengedarkan pekeliling ini kesemua hospital, klinik dan pusat kesihatan. Sila pastikan semua doktor mematuhi pekeliling ini.

4.2. Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan y/a hendaklah memastikan supaya bahan kain 'overall' tidak lewat dibekalkan dan mencukupi.

4.3. Setiap Ketua Jabatan/Unit hendaklah mengawasi supaya doktor-doktor di bawah jagaannya mematuhi kod pakaian ini.


5. PERTANYAAN

Semua pertanyaan mengenai pelaksanaan surat pekeliling hendaklah dimajukan kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur.
(u.p: Pengarah Perkhidmatan Perubatan)

Sekian, terimakasih.

Saya yang menurut perintah.


DATO' (DR) HAJI ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah Kesihatan

s.k: Ketua Setiausaha
Semua Ketua Bahagian

-/re

Bil. (43) dlm. KKM-82/2/6 Bhg. 2

20hb Oktober, 1989

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri.

Semua Pengarah Yayasan.

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 4/1989

Kod Pakaian Untuk Doktor

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penekanan dan peringatan kepada Kod Pakaian yang sedia ada selaras dengan program promosi imej hospital.

2. LATARBELAKANG

Terdapat beberapa doktor yang tidak memakai 'overall' semasa merawat pesakit. Diperhatikan juga, doktor-doktor tidak berpakaian kemas dan sempurna semasa bertugas dan juga semasa menghadiri acara rasmi misalnya mesyuarat-mesyuarat dan temuduga.

3. PERIKSAMAAN

- 3.1. Kod Pakaian seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam bil. (2/1985-JP...SULIT IT. 193/37/(67) hendaklah dipatuhi.
- 3.2. Bagi doktor-doktor lelaki 'lounge suit' atau 'bush-jacket' atau seluar panjang dengan baju kemeja dan bertali leher boleh dipakai semasa mereka bertugas.
- 3.3. Bagi doktor-doktor wanita, pakaian kaum masing-masing yang sesuai boleh dipakai semasa bekerja. 'Jeans', 'slacks', seluar pendek dan apa-apa pakaian yang menutup muka tidak boleh di pakai semasa bekerja.

3.4. Disamping mematuhi arahan seperti yang dinyatakan di perenggan 3.2 dan 3.3 diatas semua doktor lelaki dan wanita hendaklah memakai 'overall' dan talileher (bagi pegawai lelaki) SEMASA memeriksa dan merawat pesakit.

4. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

4.1. Tuan-tuan adalah diminta untuk mengedarkan pekeliling ini kesemua hospital, klinik dan pusat kesihatan. Sila pastikan semua doktor mematuhi pekeliling ini.

4.2. Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan y/a hendaklah memastikan supaya bahan kain 'overall' tidak lewat dibekalkan dan mencukupi.

4.3. Setiap Ketua Jabatan/Unit hendaklah mengawasi supaya doktor-doktor di bawah jagaannya mematuhi kod pakaian ini.


5. PERTANYAAN

Semua pertanyaan mengenai perlaksanaan surat pekeliling hendaklah dimajukan kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50590 Kuala Lumpur.
(u.p: Pengarah Perkhidmatan Perubatan)

Sekian, terimakasih.

Saya yang menurut perintah.


DATO' (DR) HAJI ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN
Ketua Pengarah Kesihatan

s.k: Ketua Setiausaha
Semua Ketua Bahagian

-/re

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Bil.(A1) dlm. KKM.87(520)Bhg.1

Tarikh: 19 Oktober 1989

✓ Dato'(Dr.) Abdullah bin Abdul Rahman,
Ketua Pengarah Kesihatan.

Yg.Bhg. Dato',

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.
Kod Pakaian Untuk Doktor


— Saya adalah dengan hormatnya merujuk kepada minit Dato'
mengenai perkara diatas. (sesalinan disertakan Lampiran I).

— 2. Bersama-sama ini disertakan surat Pekeliling
yang telah dipinda untuk kelulusan dan tandatangan Dato'
(Lampiran II).

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DR. LIM EWE SENG)

Timb. Pengarah Perkhidmatan Perubatan
Bahagian Perkhidmatan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

M/HC.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI,
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 2985176

Kawat: MINHEALTH, KUALA LUM.

Telek: MA 28102

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: ()dlm.KKM-87
Tarikh: Bhg. 1

Okt. 1989

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Yayasan

Datuk/Tuan,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 4/89
Kod Pakaian Untuk Doktor

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penekanan dan peringatan kepada Kod Pakaian yang sedia ada selaras dengan Program Promosi Imej Hospital.

2. LATARBELAKANG

Terdapat beberapa doktor yang tidak memakai 'overall' semasa merawat pesakit. Diperhatikan juga, doktor-doktor tidak berpakaian kemas dan sempurna semasa bertugas dan juga semasa menghadiri acara rasmi misalnya mesyuarat-mesyuarat dan temuduga.

3. PERLAKSANAAN

- 3.1. Kod Pakaian seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil. (2/1985-JPA.Sulit TT. 193/37/(67) hendaklah dipatuhi.
- 3.2. Bagi doktor-doktor lelaki 'lounge suit' atau 'bush-jacket' atau seluar panjang dengan baju kemeja dan bertali leher boleh dipakai semasa mereka bertugas.
- 3.3. Bagi doktor-doktor wanita, ~~pakaian kebangsaan~~ atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai boleh dipakai semasa bekerja. 'Jeans', 'slacks', seluar pendek dan apa-apa pakaian yang menutup muka tidak boleh dipakai semasa bekerja.

3.4. Disamping mematuhi arahan seperti yang dinyatakan di-
perenggan 3.2 dan 3.3. di atas semua doktor lelaki dan
wanita hendaklah memakai 'overall' dan talileher (bagi
pegawai lelaki) semasa merawat pesakit.

4. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

menerima dan

- 4.1. Tuan-tuan adalah diminta untuk mengedarkan pekeliling ini kesemua hospital, klinik dan pusat kesihatan. Sila pastikan semua doktor mematuhi pekeliling ini.
- 4.2. Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan y/m hendaklah memastikan supaya bahan kain 'overall' tidak lewat dibekalkan dan mencukupi.
- 4.3. Setiap Ketua Jabatan/Unit hendaklah mengawasi supaya doktor-doktor di bawah jagaannya mematuhi kod pakaian ini.

5. PERTANYAAN

Semua pertanyaan mengenai pelaksanaan surat pekeliling hendaklah dimajukan kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur.
(UP: Pengarah Perkhidmatan Perubatan)

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' (DR.) ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

..

s.k: Ketua Setiausaha

Timb. Ketua Pengarah Kesihatan

Semua Ketua Bahagian

BAHAGIAN PERKHIDMATAN PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Bil. (40) dlm. KKM.87(520)Bhg.1

Tarikh: 6 Oktober 1989

√ Dato' (Dr.) Abdullah bin Abdul Rahman,
Ketua Pengarah Kesihatan.

Yg. Bhg. Dato',

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil.
Kod Pakaian Untuk Doktor

Saya adalah dengan hormatnya merujuk kepada minit Dato'
pada 28.4.89 mengenai perkara diatas. (sesalinan disertakan
Lampiran I).

2. Bersama-sama ini disertakan surat Pekeliling yang
telah dikemaskini untuk kelulusan dan tandatangan Dato'.
(Lampiran II).


Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

[Signature]
Pengarah Perkhidmatan Perubatan
Bahagian Perkhidmatan Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia

M/HC..



[Signature]
Sila buat subskrip
tambahan lipan 3.
seperti yang ditunjukkan.

(32)dim.KKM-75(30

24 Oktober 1989
Rabiul Awal

Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 KUALA TERENGGANU.

(UP: Dr. Gurucharan Singh, AMN)

Tuan,

PAKAIAN SERAGAM (OVERALL)
BAGI PEGAWAI PERUBATAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada surat tuan bil (44)
dim.JP.& K.Tr. 7/41/1 Pt. 2 bertarikh 7 Oktober 1989 dan
mengucapkan terima kasih keatas surat tersebut mengenai
perkara diatas.


2. Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Kementerian
akan mengeluarkan Surat Pekeliling mengenainya dalam
sedikit masa lagi.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

" CINTALLAH BAHASA KITA "

Saya yang menurut perintah


(HAJJAH NORMA LUM BT HJ. BAHARI)
Bahagian Pentadbiran
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Kesihatan Malaysia.

s.k. Ketua Setiausaha
Ketua Pengarah Kesihatan
TKSU (P & P)





PEJABAT PENGARAH,
PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN,
TERENGGANU.

TINGKAT 5, WISMA PERSEKUTUAN,
JALAN SULTAN ISMAIL,
20920 KUALA TERENGGANU.

Telefon: K. TR. 622866

30

Ruj. Tuan:

Ruj. Kita: Bil. (44) dlm. JP. & K. Tr. 7/41

Kuala Terengganu: Oktober 1989

Ketua Setiausaha,
Kementerian Kesihatan Malaysia,
Jalan Cenderasari,
50920 Kuala Lumpur.

(u/p: Datuk Mahmud Taib)

Y. Bhg. Datuk,

Per: Pakaian Seragam (Overall)
Bagi Pegawai Perubatan



Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa pada 1.10.1989 saya telah membuat lawatan penyeliaan ke Hospital Daerah Besut. Semasa di sana, Pegawai Perubatan yang menjaga, telah memberitahu saya bahawa beliau pernah menegor pegawai-pegawai daripada Kumpulan C dan D yang tidak memakai pakaian seragam. Sebaliknya pegawai-pegawai tersebut pula mengadu kenapa penekanan yang sama tidak diberi kepada pegawai-pegawai Kumpulan A dan B.

2. Untuk mengatasi masalah ini saya telah mengadakan satu perjumpaan pada hari tersebut pukul 12.30 tengahari dengan semua pegawai-pegawai perubatan. Pada masa itu semua pegawai perubatan, kecuali seorang, memakai 'overall'. Dalam perjumpaan itu telah dibangkitkan bahawa kenapa Negeri Terengganu Darul Iman sahaja yang mewajibkan pegawai-pegawai perubatan memakai pakaian seragam (overall), sedang negeri-negeri lain, seperti Kelantan, Perak, Pulau Pinang, tidak menguatkuasakan peraturan ini.

3. Pada pandangan saya, Kementerian telahpun memberi bekalan kain dan juga elaum jahitan kepada semua pegawai-pegawai yang memerlukan pakaian seragam, termasuk pegawai perubatan dan seharusnya perkara ini tidak berbangkit lagi untuk dikuatkuasakan. Pada pandangan saya ujudnya perkara ini kerana Pengarah-Pengarah Negeri sendiri tidak mengambil berat hal ini.

6/2/89 (CD)

Sila Semak. Kalau tidak step further ini pernah di bawa ke mesyuarat dengan mesyuarat Menteri dan satu keputusan telah pun di buat.
(Sila catatkan rujukan jabatan ini apabila berhubung)

2/.....

[Handwritten signature]


4. Saya penuh yakin, dengan kebijaksanaan dan kuasa yang ada pada Datuk sebagai seorang Ketua Setiausaha, perkara ini dapat diatasi dan saya sangat-sangat berharap supaya peraturan memakai uniform di kalangan pegawai-pegawai perubatan ini dapat dikuatkuasakan di seluruh Malaysia supaya terdapat suatu keseragaman dalam perkara ini.

5. Sekian dan terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih di atas perhatian Datuk dalam hal ini.

Terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA '

Saya yang menurut perintah,



(DR. GURUCHARAN SINGH, AMN)
Pemangku Pengarah Perkhidmatan
Perubatan dan Kesihatan,
Terengganu.

s.k: Fail Timbul.

GS/ram.



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA,
(MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
JALAN CENDERASARI,
50590 KUALA LUMPUR

Telefon: 2985176
Kawat: MINHEALTH, KUALA
Telek: MA 28102

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: () dlm. KK

Tarikh: Bhg.

Okt. 19

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan
dan Kesihatan Negeri

Semua Pengarah Yayasan

Datuk/Tuan,

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 4/89
Kod Pakaian Untuk Doktor

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penekanan dan peringatan kepada Kod Pakaian yang sedia ada selaras dengan Program Promosi Imej Hospital.

2. LATARBELAKANG

Terdapat beberapa doktor yang tidak memakai 'overall' semasa merawat pesakit. Diperhatikan juga, doktor-doktor tidak berpakaian kemas dan sempurna semasa bertugas dan juga semasa menghadiri acara rasmi misalnya mesyuarat-mesyuarat dan temuduga.

3. PERLAKSANAAN

3.1. Kod Pakaian seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Jabatan Perkhidmatan Awam Bil. (2/1985-JPA.Sulit TT. 193/37/(67) hendaklah dipatuhi.

3.2. Bagi doktor-doktor lelaki 'lounge suit' atau 'bush-jacket' atau seluar panjang dengan baju kemeja dan bertali leher boleh dipakai semasa mereka bertugas.

3.3. Bagi doktor-doktor wanita, ~~pakaian kebangsaan~~ atau pakaian kaum masing-masing yang sesuai boleh dipakai semasa bekerja. 'Jeans', 'slacks', seluar pendek dan apa-apa pakaian yang menutup muka tidak boleh dipakai semasa bekerja.

- 3.4. Disamping mematuhi arahan seperti yang dinyatakan di-perenggan 3.2 dan 3.3. di atas semua doktor lelaki dan wanita hendaklah memakai 'overall' dan talileher (bagi pegawai lelaki) *semasa merawat pesakit.*

4. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB *mema-ni-laka-dan*

- 4.1. Tuan-tuan adalah diminta untuk mengedarkan pekeliling ini kesemua hospital, klinik dan pusat kesihatan. Sila pastikan semua doktor mematuhi pekeliling ini.
- 4.2. Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan y/m hendaklah memastikan supaya bahan kain 'overall' tidak lewat dibekalkan dan mencukupi.
- 4.3. Setiap Ketua Jabatan/Unit hendaklah mengawasi supaya doktor-doktor di bawah jagaannya mematuhi kod pakaian ini.

5. PERTANYAAN

Semua pertanyaan mengenai pelaksanaan surat pekeliling hendaklah dimajukan kepada:

Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur.
(UP: Pengarah Perkhidmatan Perubatan)

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATO' (DR.) ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN)
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

s.k: Ketua Setiausaha

Timb. Ketua Pengarah Kesihatan

Semua Ketua Bahagian